Penerapan pengalaman sebenar PM Ir. Adnan tarik minat pelajar

Fokus dalam menyampaikan ilmu dan penerapan pengalaman sebenar *(real experience)* merupakan pendekatan yang digunakan oleh pemenang Anugerah Pensyarah Cemerlang 2009, Profesor Madya Ir. Adnan Zulkiple daripada Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA), Universiti Malaysia Pahang (UMP).

Melalui pendekatan tersebut, secara tidak langsung ianya dapat menarik minat pelajar untuk mengikuti setiap ilmu yang disampaikan oleh beliau dan mengingatkan pelajar agar sentiasa membuat persediaan selepas tamat pengajian untuk meneruskan kehidupan.

Hakikatnya, pengalaman dalam dunia sebenar adalah lebih mencabar dan menuntut setiap pelajar meningkatkan pengetahuan, kemahiran teknikal (*psychomotor*) dan kemahiran insaniah (*soft skills*) dalam menggapai segulung ijazah selepas empat tahun pengajian.

Berdasarkan pengalaman yang diperoleh oleh beliau sendiri dalam mengharungi cabaran hidup, pengalaman belajar di luar negara telah membuka matanya untuk belajar dengan lebih gigih lagi sehinggakan beliau telah terpilih sebagai salah seorang pemegang *Japan Mombusho Scholarship* iaitu biasiswa yang ditawarkan oleh Kerajaan Jepun untuk pengajian di peringkat sarjana di pertengahan tahun 80-an.

Berkongsi mengenai pengalaman beliau sehingga dinobatkan sebagai pemenang sulung bagi kategori kejuruteraan, beliau melihat bahawa pelaksanaan pengajaran secara inovasi dan kreativiti sukar dicapai kecuali semua pihak memahami kekangan yang berlaku.

Katanya, ini termasuklah dari segi dasar dan pelaksanaan serta ianya menuntut agar semua pihak berfikir di luar kotak dan secara beransur-ansur pembudayaan inovasi dan kreativiti dapat dijanakan.

"Sebagai contoh, pendekatan kerja secara berkumpulan di dalam kelas dengan pendekatan *open-ended* membolehkan pelajar memahami teknik-teknik yang boleh digunakan untuk meningkatkan keupayaan pelajar itu sendiri berbanding jika mereka melaksanakan kerja dan tugasan secara bersendirian.

"Secara tidak langsung, ianya akan dapat meningkatkan daya kreativiti dalam menghasilkan sesuatu ke arah yang lebih inovatif. Malahan penerapan budaya inovasi dan kreativiti dalam pengajaran juga harus disokong melalui kemudahan fasiliti yang baik termasuk kemudahan internet jalur lebar seperti yang terdapat di *Multimedia Super Corridor* (MSC)," ujar beliau.

Manakala dari aspek kualiti pengajaran dan pembelajaran, beliau berpendapat bahawa konsep pengajaran berbentuk *Student Centered Learning* (SCL) berkonsepkan *effective learning* adalah lebih efektif di mana boleh mewujudkan partisipasi hampir 90 pelajar.

Jelas beliau, pelajar boleh memberikan pandangan, menceritakan pengalaman dan secara tidak langsung ianya memberi respon yang mendalam serta dapat mencetuskan pemikiran yang kritikal.

"Dalam suatu tempoh, pelajar akan mengetahui sebab sesuatu *(reasoning)* dan mempunyai pilihan dalam membuat keputusan *(decision making)*. Pelaksanaan ini boleh dicapai melalui pengalaman dan kefahaman pensyarah tersebut melalui pendekatan *Outcomed Based Education (OBE)* yang secara tidak langsung boleh meningkatkan keterampilan pelajar yang menjadi pilihan majikan.

"Oleh yang demikian, saya ingin menyarankan agar setiap pensyarah perlu mendapat latihan yang mencukupi untuk menambah pengalaman dan pengetahuan mengenai konsep OBE dan secara semula jadi inovasi pembelajaran dapat tercetus.

Secara prinsipnya, ianya mampu untuk menjana pensyarah menjadi lebih berkaliber dan mampu membentuk pelajar ke arah pencapaian yang cemerlang dalam bidang yang diceburi," katanya ketika mengakhiri perbualan.

> **"*.....pengalaman dalam dunia sebenar adalah lebih mencabar dan menuntut setiap pelajar meningkatkan pengetahuan, kemahiran teknikal (psychomotor) dan kemahiran insaniah (soft skills) dalam menggapai segulung ijazah selepas empat tahun pengajian.*"**